



Mansor ketika sesi temu bual bersama Sinar Harian di Ibu Pejabat MBMB, Jalan Ayer Keroh Lama.

MBMB ke arah PBT berkelas dunia

Sentiasa mendokong aspirasi kerajaan negeri

NORFARHANA YACOB

Bandaraya Melaka Bersejarah telah melalui pelbagai evolusi perbandaran sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Dari pusat perdagangan utama timur dan barat pada abad ke-15 hingga menjadi destinasi pelancongan bertaraf dunia.

Setelah 16 tahun berstatus bandaraya, banyak perkembangan perbandaran di Bandaraya Melaka Ber-

sejarah sehinggalah Melaka diiktiraf sebagai Tapak Warisan Dunia UNESCO pada 7 Julai 2008.

Di bawah Datuk Bandar baharu, Datuk Mansor Sudin sudah pasti banyak perancangan akan dilaksanakan agar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB) setanding bandaraya lain sekali gus menajayakan harapan kerajaan diterajui Ketua Menteri, Adly Zahari.

Ikuti wawancara bersama orang penting dalam MBMB.

SINAR HARIAN: MBMB pernah merancang pelan jangka panjang untuk mencapai PBT berkelas dunia. Apakah hala tuju pelan strategi itu?

MANSOR: Bandaraya Melaka Bersejarah terkenal dengan kepelbagaian etnik, bangsa dan agama.

Mensejahterakan warga bandaraya dalam satu senario kehidupan yang harmoni, selesa dan meraiikan perpaduan telah sinonim dengan pembangunan budaya dan rakyat negeri Melaka itu sendiri.

Sebagai PBT di Melaka, MBMB sentiasa mendokong aspirasi kerajaan negeri dan dasar-dasar digubal sesuai dengan peredaran masa, keperluan serta kehendak warga bandaraya.

Oleh kerana itu, MBMB mengatur langkah dengan menggubal semula Pelan Strategik pada tahun 2018 dengan misi Mampu Bandaraya Warisan Berdaya Huni melalui Tadbir Urus Perbandaran yang

Efisien dan Responsif dengan visi yang lebih inklusif iaitu Bandaraya Bersejarah Lestari dan Pintar tercapai.

Bagi saya, setiap PBT itu memiliki tanggungjawab sendiri untuk memastikan perkhidmatan perbandaran yang ditentukan dilaksanakan dengan baik demi kesejahteraan masyarakat dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

Di pihak MBMB, pelan jangka panjang dan pendek yang dirangka haruslah seiring dengan manifesto yang ditetapkan oleh kerajaan negeri dan kerajaan Pusat bagi memastikan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) dijaga dengan meneliti pelbagai aspek yang dititikberatkan oleh MBMB antaranya melaksanakan 60 peratus pembangunan mampan, melaksanakan 10 peratus pembangunan di sekitar kawasan warisan, 20 peratus



pembangunan untuk projek Bandar Selamat, melaksanakan 10 peratus pembangunan hijau selain menyelenggara bangunan-bangunan MBMB, infrastruktur dan kemudahan awam, lampu-lampu isyarat dan awam serta pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) bagi

tujuan pemantauan serta keselamatan kawasan setempat.

Apakah usaha yang telah dilaksanakan MBMB bagi merealisasikan Zon Bebas Kenderaan di Tapak Bandar Warisan Dunia (UNESCO)?

MANSOR: MBMB masih ke arah usaha untuk melaksanakan Zon Bebas Kenderaan dalam kawasan UNESCO bagi mengekalkan keutuhan bangunan-bangunan peninggalan sejarah yang ada di samping menyokong hala tuju negara ke arah pengurangan karbon sebanyak 45 peratus.

Malah, usaha itu juga bertujuan untuk mengurangkan konflik serta risiko pejalan kaki dan kenderaan bermotor di dalam Tapak Warisan Dunia.

MBMB sedang menyediakan kajian *Traffic Impact Assessment* (TIA) untuk melihat kesesuaian cadangan melalui jalan-jalan yang perlu ditutup dan mengelakkan jalan-jalan sedia ada bertambah sesak.

Beberapa pertemuan (*engagement*) bersama penduduk dan *stakeholder* di kawasan Tapak Warisan Dunia juga telah diadakan untuk mendapatkan pandangan berkaitan perkara tersebut.

Apakah yang MBMB lakukan ke arah Melaka Bandar Pintar 2030?

MANSOR: Umum mengetahui kerajaan tempatan adalah kerajaan peringkat ketiga selepas kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri, maka bagi merealisasikan hasrat ke arah Bandar Pintar 2030, MBMB dengan kerjasama Plan Malaysia telah merangka satu pelan secara kolektif dan komprehensif yang dinamakan sebagai Ran-

cangan Tempatan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah 2035 (Penggantian) ataupun singkatannya RTMBMB 2035.

RTMBMB 2035 itu mengambil kira pelan-pelan rancangan khas termasuk Pelan Pengurusan dan Pemeliharaan Tapak Warisan Dunia bagi tujuan kawalan perancangan dan terdapat empat asas lain penyediaan RTMBMB 2035 antaranya persempadanan semula dan perluasan kawasan, terjemahan dasar dan konsep pembangunan baharu, penyalaraan projek serta program sediaan dan tekanan pembangunan kawasan pentadbiran bagi PBT bersebelahan.

Kita juga melakukan kajian yang dijalankan selama setahun ini yang telah dirangkumkan pembentukan kepada enam langkah perdana atau dikenali sebagai enam *big moves* iaitu bandaraya pintar dan berdaya saing, destinasi pelancongan yang berprestij, bandaraya berdaya huni dan beridentiti, kemampunan pengurusan sumber jaya, bandaraya sihat aktif dan selamat selain prasarana dinamik dan efisien.


Bagi tujuan kelestarian bandaraya serta kesejahteraan, warga bandaraya MBMB juga mengambil kira pelbagai aspek melibatkan perkhidmatan perbandaran seiring hasrat kerajaan negeri dengan tidak mengetepikan keperluan warga bandaraya.

Berapakah bajet disasarkan MBMB bagi tujuan pembangunan dalam kawasan pentadbiran PBT pada tahun 2020?

MANSOR: MBMB memperuntukkan sebanyak 22 peratus daripada Belanjawan 2020 membatinkan perbelanjaan dianggarkan berjumlah RM40 juta hingga RM50 juta termasuk infrastruktur seperti jalan, perparitan, bangunan dan landskap.

Kita akan membelanjakan kira-kira RM6 juta untuk menaik taraf jalan dan permukaan jalan melalui peruntukan Sistem Maklumat Rekod Jalan Raya Malaysia (Marris).

Selain itu, MBMB akan memperuntukkan kira-kira RM7 juta bagi kawasan-kawasan di bawah majlis untuk meningkatkan sistem perparitan sekali gus



Mansor (kiri) dan Adly ketika program lawatan kerja di Taman Rekreasi Krubong Satu, Khamis lalu.